



JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (2) Nov 2020 (059-068)

Faktor Agama dalam Asimilasi Budaya Arab ke dalam Budaya Melayu

Mohd Shabri Yusof

msy@ukm.edu.my

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Munif Zariruddin Fikri Nordin

munif@uum.edu.my

Program Pengajian Bahasa, Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia

Tarikh terima : 30 Okt 2020
Received
Terima untuk diterbitkan : 15 Nov 2020
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Nov 2020
Published online

Abstrak

Makalah ini membincangkan agama sebagai faktor pembentukan asimilasi budaya Arab yang bersifat minoriti ke dalam budaya Melayu yang bersifat majoriti. Antara ciri utama bahasa dan budaya Melayu ialah menerima transisi dan perubahan serta mempertahankan tradisi dan keaslian dalam proses asimilasi dengan budaya luar. Dengan mengharmonikan transisi dan tradisi tersebut, bahasa Melayu sentiasa mengalami dinamisme perkembangan yang terancang, seperti peminjaman kosa kata keagamaan daripada bahasa Arab. Demikian juga halnya dengan budaya Melayu yang menerima pengaruh dalam interaksi dengan budaya luar, seperti amalan berzanji dan marhaban yang merupakan pengaruh bukan kebendaan daripada budaya Arab ('*uruf*'), yang dicirikan oleh faktor penyebaran agama Islam. Kerangka pendekatan kajian ini adalah berasaskan konsep difusi budaya yang dikemukakan oleh Fritz Graebner (1911), iaitu asimilasi berlaku apabila budaya yang dibawa masuk tidak bertentangan dengan budaya tempatan. Data kajian ini pula ialah sumber-sumber sekunder berkaitan Islam dan antropologi budaya, khususnya asimilasi budaya. Perbincangan merangkumi kandungan agama Islam, pentafsiran budaya kebendaan dan bukan kebendaan daripada perspektif Arab dan Melayu, serta pola pembentukan asimilasi budaya Arab minoriti ke dalam budaya Melayu majoriti yang memperlihatkan pengharmonian antara transisi dengan tradisi tersebut.

Kata kunci: Agama, Budaya Kebendaan, Budaya Bukan Kebendaan, 'Uruf, Asimilasi.

The Religion Factor in the Assimilation of Arab Culture among Malays

Abstract

This paper discusses religion as a factor in the assimilation of the Arab culture, as a minority culture, into the Malay culture, as a majority culture. A key feature of the Malay language and culture in the process of cultural assimilation is to embrace changes while preserving the Malay tradition and authenticity. By embracing transition and tradition, the Malay language is experiencing constant change and development involving the

borrowing of religious vocabulary from the Arabic language. Likewise, the Malay culture is influenced by the Arab culture in its practices such as the rituals of berzanji and marhaban which are associated with the spread of Islam. The framework of this study is based on the concept of cultural diffusion put forward by Fritz Graebner (1911), which suggests that assimilation takes place when the foreign culture being introduced does not contradict the local culture. The research data is taken from various secondary sources on Islam, cultural anthropology and cultural assimilation. The discussion covers Islamic content, interpretation of material culture and immaterial culture from the Arab and Malay perspectives, and the characteristics of the assimilation of the Arab culture into the Malay culture, reflecting congruence between transition and traditional.

Keywords: Religion, material culture, immaterial culture, tradition, assimilation

1. Pendahuluan

Antara ciri utama bahasa dan budaya Melayu ialah menerima transisi dan perubahan serta mempertahankan tradisi dan keaslian dalam proses asimilasi dengan budaya luar. Dengan mengharmonikan transisi dan tradisi tersebut, bahasa Melayu sentiasa mengalami dinamisme perkembangan yang terancang, seperti peminjaman kosa kata keagamaan daripada bahasa Arab.

Yang dimaksudkan dengan pengharmonian ialah keupayaan bahasa Melayu membentuk asimilasi yang membantu proses pembinaan dan pengembangannya. Asimilasi ialah pemaduan bermacam-macam jenis atau berbagai-bagai unsur menjadi satu, seperti pemaduan unsur-unsur daripada kebudayaan yang berlainan menjadi satu kebudayaan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2020).

Menurut Nik Safiah Karim (1996), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi asimilasi bahasa dan budaya Melayu dengan unsur asing, sama ada dari Timur mahupun dari Barat, seperti keperluan untuk berhubung dengan berkesan, peminjaman unsur baharu, penilaian yang tinggi kepada sesuatu bahasa dan taraf pencapaian bahasa dalam hubungannya dengan perkembangan ilmu. Demikian juga halnya dengan budaya Melayu yang menerima pengaruh dalam interaksi dengan budaya Arab, seperti amalan marhaban dan berzanji yang merupakan pengaruh bukan kebendaan ('*uruf*'). Pengaruh tersebut dicirikan oleh faktor penyebaran agama Islam dari Tanah Arab ke dunia Melayu, yang berlangsung dalam tempoh masa yang lama.

Penerimaan Islam sebagai agama anutan telah membawa masuk bersama-samanya beberapa amalan yang berasaskan budaya Arab. Penerimaan tersebut juga bermakna bahawa agama berfungsi sebagai faktor asimilasi budaya Arab yang bersifat minoriti ke dalam budaya Melayu yang bersifat majoriti.

Berzanji merupakan satu bentuk seni suara Islam yang dipersembahkan di dalam majlis atau upacara keagamaan seperti maulid Nabi, akikah, menyambut kelahiran bayi, berkhatan dan juga majlis perkahwinan (Abdul Rahman Rukaini, 1996). Terdapat kitab khusus bagi berzanji, iaitu *Kitab Maulid Barzanji*, yang ditulis oleh Sayyid Jaafar bin Hasan. Dari segi etimologi, perkataan Barzanji dinisbahkan kepada kampung asal keturunan penulis, iaitu Barzanj di Iraq (Muhammad Fuad al-Maliki, 2009). Kitab ini merupakan rangkaian sejarah hidup Nabi Muhammad SAW yang menyentuh tentang keturunan, perkembangan kehidupan sejak zaman kanak-kanak sehinggalah dilantik sebagai rasul. Kitab ini juga menyentuh tentang sejarah perjuangan serta keperibadian baginda yang seharusnya menjadi contoh teladan bagi seluruh umat manusia (Abu bakar Ya'cub, 1974).

Manakala marhaban (مرحبا) pula berasal daripada kata kerja bahasa Arab (رحب) 'rahaba' yang bererti lapang dan luas (Ibn Manzur, 2003). Marhaban ialah pengungkapan pujian kepada Rasulullah SAW dan pelahiran kesyukuran kepada Allah SWT. Marhaban seperti juga burdah dan qasidah

merupakan seni muzik yang digunakan untuk kepentingan rohaniah dalam kalangan ahli sufi bagi mendapatkan ghairat (A. Aziz 2000) Dalam kitab berzanji, terdapat nazam khas yang dibaca dengan lagu-lagu yang menarik. Kebiasaannya, masyarakat Melayu menamakan pembacaan ini dengan nama marhaban. Acara marhaban dilakukan semasa membaca kitab berzanji dalam bab keempat, iaitu apabila tiba rangkap yang kelapan pada ayat yang menyebut baginda dilahirkan dan pada ketika itu orang ramai pun berdiri sambil membaca marhaban (Selamat Hashim, 2008).

Kajian ini bertujuan memerihalkan kandungan agama Islam, menerangkan budaya kebendaan dan bukan kebendaan menurut tafsiran Arab dan Melayu dan menghuraikan pola pembentukan asimilasi budaya Arab minoriti ke dalam budaya Melayu majoriti yang memperlihatkan pengharmonian antara transisi dengan tradisi tersebut. Kerangka pendekatan kajian ini adalah berasaskan konsep difusi budaya yang dikemukakan oleh Fritz Graebner (1911), iaitu asimilasi berlaku apabila budaya yang dibawa masuk tidak bertentangan dengan budaya tempatan. Data kajian ini pula ialah sumber-sumber sekunder berkaitan Islam dan antropologi budaya, khususnya asimilasi budaya.

2. Kosa Ilmu Lepas

Bahagian ini menyorot kajian-kajian lepas tentang makna agama, konsep budaya dan konsep asimilasi.

2.1 Makna Agama

Kajian ‘Awdullah Jad al-Hijazi (1986) menyenaraikan beberapa definisi agama dari segi bahasa dan syarak, berdasarkan penggunaannya dalam al-Quran, seperti yang berikut:

Bahasa:

- a Perhitungan dan balasan terhadap segala amalan yang dilakukan oleh manusia.
- b Ketaatan dan amal soleh
- c Ibadat dan jalan yang diikuti oleh seseorang dalam ibadat dan muamalat bersama-sama orang lain.
- d Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Syarak:

- a Ketetapan Allah SWT yang memberi petunjuk ke jalan yang benar dalam perkara-perkara kepercayaan; serta jalan yang baik dalam perkara-perkara tingkah laku dan perhubungan
- b Gagasan perintah syariah (merangkumi segala urusan kehidupan) yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada rasul yang dipilih untuk menyampaikan risalah-Nya.
- c Ketundukan kepada Allah SWT, iman dengan keesaan-Nya dan sujud terhadap ketinggian-Nya.

Kesemua definisi bahasa dan syarak yang dikemukakan menyimpulkan bahawa agama ialah wahyu daripada Allah SWT kepada para rasul-Nya, yang tidak berbeza antara satu sama lain, khususnya dari sudut akidah, seperti beriman kepada-Nya kerana Dialah yang menciptakan setiap sesuatu dan Dialah yang menurunkan kitab kepada mereka.

Agama dalam konteks ini ialah Islam yang dibawa oleh semua rasul yang diutuskan oleh Allah SWT. Agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s., Nabi Yaakub a.s. dan Nabi Muhammad SAW semuanya Islam yang sama. Walau bagaimanapun, dari segi syariat dan bentuk-bentuk ibadat, memang ada perbezaan antara ajaran yang dibawa oleh seorang rasul dengan rasul yang lain yang dinyatakan tadi.

Kajian Ismail Yusoff (2001) mendapati terdapat pelbagai definisi agama yang diberikan. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, agama mengandungi maksud hubungan antara manusia dengan sesuatu kekuasaan luar biasa yang dipercayai dapat memberikan perlindungan. Hubungan ini disifatkan sebagai suci dan pengisiannya dilakukan dengan penuh ketundukan, kecintaan dan ketaatan.

Kajian Ismail Yusoff (2001) juga membincangkan fungsi penting agama dalam kehidupan manusia. Sejarah menunjukkan bahawa maju mundur sesuatu tamadun mempunyai kaitan yang erat dengan maju mundurnya agama dalam tamadun berkenaan.

Selain itu, agama mempunyai pengaruh yang besar terhadap elemen-elemen asas sosial, seperti moral, etika, politik, seni, undang-undang, sains, teknologi dan sebagainya. Pengaruh yang dimaksudkan ialah perintah, galakan dan rangsangan yang diberikan oleh agama supaya manusia berfikir, berusaha dan menghasilkan output dan impak yang dapat membangunkan dan memajukan kualiti kehidupan mereka (Ismail 2001).

2.2 Konsep Budaya

Pentafsiran tentang budaya merupakan polemik yang sering menimbulkan perbezaan antara disiplin-disiplin dalam sains kemasyarakatan dan sains kemanusiaan. Perbezaan pentafsiran ini menurut Shamsul Amri Baharuddin (2007), menggambarkan keluasan budaya sebagai suatu konsep. Budaya umpama air yang sentiasa mengikut acuanannya: kalau di laut berombak besar, kalau di hulu sungai mengalir laju, kalau di hilir melintuk-liuk lesu, kalau di tasik tenteram bisu, dan kalau dalam peti ais keras beku (Shamsul 2007: 100).

Bahagian ini memerihalkan konsep budaya daripada perspektif Arab dan Melayu, yang dianggap oleh kebanyakan pengkaji sosiobudaya sebagai konsep yang menunjangi pembinaan tamadun Malaysia (Mohd. Taib 2000). Pemerihalan kedua-dua perspektif ini juga bertujuan menjelaskan aplikasinya sebagai panduan dalam analisis pola pembentukan asimilasi budaya Arab ke dalam budaya Melayu dalam bahagian yang seterusnya.

Menurut Edward Taylor, iaitu pengkaji pertama yang memberikan definisi antropologi tentang budaya, dalam *Primitive Culture* pada tahun 1871:

Kebudayaan...ialah keseluruhan kompleks yang mengandungi antaranya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam dan segala kebolehan serta kebiasaan (tabiat) yang didapati oleh manusia sebagai anggota sesebuah masyarakat.

(Dalam Lim dan Har 2007: 258)

Komponen budaya Barat yang diutarakan oleh Taylor memperlihatkan kombinasi antara elemen kebendaan dengan elemen bukan kebendaan. Kombinasi seumpama ini juga wujud dalam komponen budaya Arab dan Melayu yang berteraskan Islam. Walau bagaimanapun, terdapat dua perbezaan antara budaya Barat dengan budaya yang berteraskan Islam, iaitu dari segi asas kombinasi, dan dari segi fokus pembangunan.

Menurut Ismail Yusoff (2001), di dalam budaya, terdapat unsur-unsur yang tidak terbatas bilangannya, sama ada yang bersifat budaya sejagat atau budaya setempat. Unsur-unsur ini dipacu oleh pelbagai faktor, seperti persekitaran, ekonomi, kepimpinan, penemuan berasaskan sains dan teknologi dan sebagainya.

2.3 Konsep Asimilasi

Menurut A. Aziz Deraman (2000), peringkat asimilasi budaya Arab-Islam ke dalam budaya Melayu merupakan peringkat ketiga daripada empat peringkat pembinaan budaya Melayu, iaitu budaya asli, pengaruh Hindu-Buddha yang melanjutkan budaya asal, budaya Islam, dan pengaruh Barat atau pemodenan. Bukti-bukti tentang keupayaan budaya Islam memperkenalkan asimilasi yang harmoni kepada budaya Melayu yang dilatari oleh pengaruh Hindu-Buddha telah banyak dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji seperti al-Attas (1972), Abdul Rahman Haji Abdullah (1998) dan Mahayudin Haji Yahaya (1998).

Burdah sebagai contoh, merupakan nama yang diberikan kepada puisi Ka'b ibn Zuhair r.a. Burdah ialah pujian dan penghormatan kepada Rasulullah SAW, yang disebarkan daripada kesusasteraan Arab melewati kesusasteraan bangsa-bangsa lain yang menerima Islam, termasuk bangsa Melayu di Malaysia. Perintis puisi genre ini ialah al-Busiri (1212-1296 M), seorang penyair sufi (Muhammad Bukhari 1994).

Secara umumnya masyarakat Melayu mengadakan pembacaan berzanji dan marhaban pada majlis-majlis yang menggambarkan kesyukuran, kegembiraan, memohon keselamatan dan kesejahteraan serta majlis sambutan perayaan maulid. Budaya ini adalah amalan yang baik, kerana ia mengingatkan seseorang terhadap kisah Rasulullah s.a.w dan perkembangan Islam. Acara pembacaannya lebih kepada satu bentuk pengisian sesuatu majlis keramaian (Samat@Darawi et.al 2015)

3. Analisis

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga analisis, iaitu kandungan agama Islam, budaya kebendaan dan bukan kebendaan menurut tafsiran Arab dan Melayu serta pola pembentukan asimilasi budaya Arab ke dalam budaya Melayu

3.1 Kandungan Agama Islam

Dari perspektif Islam, agama ialah perkara paling asas yang sangat diperlukan oleh manusia. Keperluan terhadap agama mengatasi keperluan terhadap perkara-perkara lain khususnya yang bersifat materi, seperti pakaian, tempat tinggal, makanan, harta dan sebagainya. Agama menjadi payung yang menaungi akal, budi dan daya manusia (al-Attas 2001). Kepentingan agama sebagai perkara paling asas dalam kehidupan manusia telah digariskan serta diperincikan oleh ulama usul fikah. Agama merupakan satu daripada lima perkara dalam *al-umur al-daruriyyah* (perkara-perkara asasi). *Al-umur al-daruriyyah* pula ialah satu daripada tiga tahap keperluan manusia yang terkandung dalam *maqasid syariah* (tujuan syariah), selain daripada *al-umur al-hajiyah* (perkara pelengkap) dan *al-umur al-tahsiniiyyah* (perkara pengindah) (al-Zuhailiy 1986).

Dengan peraturan tadi, manusia berupaya membentuk suasana sejahtera, adil dan makmur. Sebaliknya, tanpa agama, manusia tidak ada keupayaan membentuk suasana tersebut (al-Attas 2001). Sekalipun kehidupan tanpa agama boleh berlaku, namun kehidupan tersebut ialah kehidupan yang penuh porak peranda, huru hara dan kacau bilau. Kehidupan seperti ini tentulah bertentangan dengan fitrah manusia yang menginginkan kesejahteraan, tolong-menolong, bersatu padu dan seterusnya dapat mengecapi pembangunan dan mencapai kemajuan.

3.2 Budaya Kebendaan dan Bukan Kebendaan: Tafsiran Arab dan Melayu

Dari segi asas kombinasi, oleh kerana budaya dirujuk sebagai segala hasil ciptaan manusiawi, maka Barat memasukkan agama sebagai sebahagian daripada budaya. Dengan kata lain, agama merupakan kebudayaan (al-Attas 2001), yang terhasil daripada percampuran fahaman budaya kaum Celtic, Nordic, Germanic serta nilai Judeo-Kristian. Manakala dalam Islam, asas kombinasi budayanya berbeza. Hal ini demikian kerana agama memayungi dan menaungi budaya, dan juga kerana agama bukan lahir daripada hasil ciptaan manusiawi. Oleh itu, agama mewujudkan budaya, dan bukan sebaliknya budaya mewujudkan agama (al-Attas, 2001).

Dari segi fokus pembangunan, budaya Barat meletakkan ukuran kebendaan mengatasi bukan kebendaan. Budaya Arab-Islam dan Melayu-Islam pula **mengimbangi** antara elemen kebendaan (fizikal, materi, sekala) dan bukan kebendaan (spiritual, abstrak, niskala), seperti dalam pentakrifan tamadun yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun, Muhammad Rasyid Redha, Sayyid Qutb, Sa'id Hawa, Abu Bakar Hamzah dan Wan Hashim Wan Teh (Munif 2003). Budaya Arab-Islam dan Melayu-Islam juga mempunyai tujuan hidup **duniawi dan ukhrawi** yang jelas dan terarah, tidak seperti budaya Barat yang kabur tujuan hidup duniawinya (al-Attas 2001).

Islam bukan setakat mengimbangi antara elemen kebendaan dengan bukan kebendaan, dan antara duniawi dengan ukhrawi, tetapi menetapkan lapan prinsip bagi memastikan pelestarian keseimbangan tersebut, iaitu (al-Qardawiy 1996):

- a. *Rabbaniyyah* (bersumberkan ajaran Ilahi).
- b. *Akhlaqiyyah* (bernuansakan nilai akhlak).
- c. *Insaniyyah* (berteraskan nilai kemanusiaan).
- d. *'Alamiyyah* (bersifat sejagat).
- e. *Tasamuh* (toleransi).
- f. *Tanawwu'* (keanekaragaman).
- g. *Wasatiyyah* (kesederhanaan).
- h. *Takamul* (saling lengkap-melengkapi).

Dalam persumberan hukum Islam yang sememangnya dicirikan oleh pelestarian keseimbangan tersebut, terdapat satu cabang fekah yang mempunyai hubungan dengan asimilasi budaya. Dalam asimilasi ini, budaya minoriti meresap masuk ke dalam budaya majoriti, dan seterusnya menjadi amalan yang sehati sehingga menenggelamkan identiti minoriti yang memunculkan amalan tersebut. Cabang fekah tersebut dinamakan sebagai *'uruf*.

Abdullah Nasih 'Ulwan (1989: 105) mentakrifkan *'uruf* sebagai "amalan atau percakapan sesuatu kaum yang menjadi kebiasaan mereka". Wahbah al-Zuhailiy (1986: 828) memberikan definisi *'uruf* yang lebih luas konsepnya melalui penjelasan berikut:

Perbuatan yang orang ramai lazimkan dan lakukan, yang tersebar luas dalam kalangan mereka; atau kata-kata yang mereka tetapkan ke atas makna yang khusus yang tidak ditetapkan

oleh bahasa, yang tidak menunjukkan makna yang lain apabila digunakan. Dengan itu '*uruf*' bererti kelaziman kolektif meliputi kelaziman perbuatan dan kelaziman kata-kata.

(Al-Zuhailiy 1986: 828)

Al-Zuhailiy (1986) mengemukakan contoh bagi kedua-dua jenis '*uruf*' berkenaan. Contoh '*uruf*' perbuatan ialah kebiasaan jual beli tanpa menzahirkan akad secara pelafazan, manakala contoh '*uruf*' kata-kata ialah kebiasaan memaknakan anak hanya kepada anak lelaki sahaja.

Al-Zuhailiy (1986) juga membahagikan '*uruf*' kepada dua bahagian, iaitu '*uruf*' yang sah dan '*uruf*' yang fasid. Yang sah ialah '*uruf*' yang dilazimkan tanpa mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram, seperti pemberian semasa pertunangan hendaklah dianggap hadiah, bukannya sebahagian daripada mahar. Yang fasid pula ialah '*uruf*' yang dilazimkan, tetapi dengan menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal, seperti pergaulan bebas lelaki dan wanita dalam majlis-majlis.

Dari segi kandungan, '*uruf*' ialah budaya yang lebih banyak melibatkan elemen bukan kebendaan berbanding dengan kebendaan. '*Uruf*' yang tertakluk kepada lingkaran ketetapan akidah, ketentuan syariah dan kemurnian akhlak dalam satu rangkaian lebih banyak mengandungi elemen metafizik dan spiritual berbanding dengan elemen materi yang dapat dirasai oleh pancaindera.

3.3 Pola Pembentukan Asimilasi Budaya Arab ke dalam Budaya Melayu

Agama merupakan pembentuk asimilasi yang merentas sempadan budaya. Hal ini demikian kerana sifat agama itu sendiri yang perlu kepada penyebaran atau pendakwahan. Dalam penyebaran itulah berlakunya asimilasi. Dalam Islam, ibadat khususnya, seperti solat dan haji umpamanya merupakan pembentuk asimilasi yang menghimpunkan budaya-budaya masyarakat Islam yang pelbagai di seluruh pelosok dunia dalam satu praktis yang sama.

Berdasarkan lapan prinsip yang diutarakan oleh al-Qardawiy (1996), terdapat dua pola utama yang mencorakkan pembentukan asimilasi budaya Arab-Islam ke dalam budaya bangsa lain yang menerima Islam. Pola pencorakan tersebut dicirikan oleh sifat pendakwahan Islam itu sendiri, iaitu: penolak dan penarik. Pola penolak ialah *rabbaniyyah* (bersumberkan ajaran Ilahi), *akhlaqiyyah* (bernuansakan nilai akhlak), *insaniyyah* (berteraskan nilai kemanusiaan) dan *'alamiyyah* (bersifat sejagat). Pola penarik pula ialah *tasamuh* (toleransi), *tanawwu'* (keanekaragaman), *wasatiyyah* (kesederhanaan) dan *takamul* (saling lengkap-melengkapi).

Pola pertama membawa maksud bahawa Islam sebagai agama sejagat disebar masuk ke dalam budaya masyarakat seluruh dunia. Meskipun bermula di Tanah Arab, akan tetapi Islam bukan milik masyarakat Arab dan bukan diidentitikan oleh Arab semata-mata. Hal ini demikian kerana Islam ialah agama wahyu, yang **kandungan ajarannya** menekankan nilai akhlak dan kemanusiaan, tanpa memilih ras, keturunan dan warna kulit yang sesuai dengan semua budaya masyarakat manusia, merentas sempadan dan zaman. Pola ini diperkukuhkan oleh peranan **pengembang** budaya Arab, yakni pendakwah Arab yang peka dan memahami budaya masyarakat Melayu, sehingga memungkinkan mereka memanfaatkan '*uruf*' mereka sebagai saluran dan **metode** dakwah di kawasan ini.

Pola kedua pula mengandungi pengertian bahawa kesan daripada ajaran Islam itu sendiri, budaya Melayu menjadi budaya **masyarakat penerima** yang bersifat terbuka untuk bertoleransi dengan budaya Arab, yang diperlihatkan oleh kesediaan mereka memasukkan keanekaragaman ke dalam budaya sendiri. Masyarakat Melayu juga bersifat sederhana dengan menolak ketaksuban, serta memiliki sifat pemerdayaan dengan mencari unsur lain yang boleh memperkukuhkan budaya mereka.

Budaya Melayu telah menerima pengaruh dalam interaksi dengan budaya Arab sekitar abad ke-10, meskipun ada teori yang mengandaikan pada abad ke-13 atau seawal abad ke-7 lagi (A. Aziz 2000). Antara pengaruh yang dimaksudkan ialah amalan-amalan seperti *burdah*, *qasidah*, *marhaban*, *selawat* dan *berzanji*, yang merupakan pengaruh bukan kebendaan daripada '*uruf*' Arab. Amalan-amalan ini diadakan semasa majlis keagamaan, seperti khatam al-Quran, perkahwinan, Maulidur Rasul, bercukur kepala, dan lain-lain.

Dari segi hukum, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tentang amalan *marhaban* dan *berzanji*. Di Arab Saudi, amalan ini dikategorikan haram, atas alasan mengada-adakan perkara baru, manakala di Malaysia, Brunei dan Singapura dikategorikan sebagai amalan yang bukan berbentuk bidaah sesat, kerana amalan-amalan tersebut merupakan amalan '*uruf*' yang tidak bertentangan dengan dasar-dasar pokok Islam, bahkan ada dasarnya yang tertentu dalam agama (Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia 2010).

Dari segi sejarah, *marhaban* pada awalnya diperkenalkan oleh para pendakwah Arab sebagai salah satu metode dakwah yang berjaya menarik perhatian masyarakat pada masa itu. Metode ini telah berjaya menarik perhatian penduduk Tanah Melayu dan sejak itu Islam pesat berkembang di rantau ini. Asimilasi budaya berlaku apabila *marhaban* menjadi sebahagian daripada ekspresi seni Melayu. Masyarakat Melayu yang terbuka sifatnya telah menerima '*uruf*' Arab, lalu menjadi '*uruf*' Melayu. Terdapat pelbagai lagu *marhaban* sehingga ada juga yang menyesuaikan irama lagu melayu atau Jawa dengan irama *marhaban* (Abdul Rahman Rukaini, 1996). Antara irama lagu *marhaban* adalah seperti *syira*, *rakbi*, *nahwan*, *ras*, *babri*, *masri*, *hajaka* dan *haiya* (Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Ramli Wan Mohammad, 1994).

4. Implikasi

Asimilasi budaya Arab yang digerakkan oleh faktor agama telah mempengaruhi sistem dan bentuk budaya masyarakat Melayu di Malaysia, bermula sejak kedatangan Islam sehingga kini. Keistimewaan prinsip-prinsip yang didukung oleh kedua-dua budaya, bukan hanya berjaya membawa masuk budaya minoriti ke dalam budaya majoriti di satu pihak, tetapi juga berjaya menerima masuk budaya tersebut di satu pihak yang lain.

Resapan kemasukan dari budaya minoriti ke dalam budaya majoriti tidak berlaku secara paksaan. Demikian juga penerimaan budaya majoriti terhadap resapan kemasukan tersebut tidak berlaku secara penentangan. Justeru, satu asimilasi yang harmoni telah berlaku antara menerima transisi dengan mempertahankan tradisi, melalui pola dua hala, iaitu penolak dan penarik.

Agama terbukti menjadi faktor pembentukan asimilasi budaya minoriti ke dalam budaya majoriti yang harmoni. Dalam konteks Islam sebagai agama besar selain Hindu dan Buddha yang disebarkan di Alam Melayu, agama samawi ini menyediakan prinsip-prinsip budaya yang sesuai dengan keperluan masyarakat tempatan. Seni berasaskan '*uruf*' Arab seperti *marhaban*, *berzanji* dan *qasidah* dibawa masuk oleh pendakwah Arab dan diterima pakai oleh masyarakat Melayu sehingga bertukar menjadi '*uruf*' Melayu.

Asimilasi budaya yang digerakkan oleh faktor agama secara serentak melibatkan juga asimilasi bahasa. Islam merupakan tadahan penyebaran bahasa Melayu yang menerima pengaruh bahasa Arab. Hal ini demikian apabila aktiviti-aktiviti seperti kuliah pendidikan di pondok, bacaan kitab di masjid dan penulisan kitab-kitab kuning dilakukan dalam bahasa Melayu yang diberikan citra baru dari segi istilah, sistem tulisan, ejaan, tema dan kandungan persuratannya oleh bahasa Arab.

5. Kesimpulan

Antara ciri utama bahasa dan budaya Melayu ialah menerima transisi dan perubahan serta mempertahankan tradisi dan keaslian dalam proses asimilasi dengan budaya luar. Dengan mengharmonikan transisi dan tradisi tersebut, bahasa Melayu sentiasa mengalami dinamisme perkembangan yang terancang, seperti peminjaman kosa kata keagamaan daripada bahasa Arab.

Dengan mengharmonikan transisi dan tradisi tersebut, bahasa Melayu sentiasa mengalami dinamisme perkembangan yang terancang, seperti peminjaman kosa kata keagamaan daripada bahasa Arab. Demikian juga halnya dengan budaya Melayu yang menerima pengaruh dalam interaksi dengan budaya luar, seperti amalan berzanji dan marhaban yang merupakan pengaruh bukan kebendaan daripada budaya Arab ('*uruf*'), yang dicirikan oleh faktor penyebaran agama Islam.

Rujukan

A. Aziz Deraman (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Nasih 'Ulwan (1989). *Pengenalan Syariah Islamiyyah, Fiqh dan Sumber-Sumbernya*. (Ter. Abdul Rashid Daud daripada *Muhadarah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah wa Fiqhiha wa Masadiriha*). Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Rukaini (1996). *Barzanji: Rangkaian Kisah Nabi dalam Puisi Jaafar al-Barzanji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu bakar Ya'cub (1974). *Makna a-lBarzanji dan Pidato Memperingati Sejarah Nabi Muhammad s.a.w*. Medan: Penerbit Firma Islamiyah.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.

Al-Hijaziy, 'Awdullah Jad (1986). *Muqaranah al-Adyan bayna al-Yahudiyyah wa al-Islam*. Kaherah: Dar al-Tiba'ah al-Muhammadiyah.

Al-Qardawiy, Yusuf (1996). *Wawasan Islam antara Keaslian dan Kemodenan*. (Terj. Ahmad Nuryadi Asmawi daripada *Al-Thaqafat al-'Arabiyyat al-Islāmiyyat bayna al-Asalat wa al-Mu'asirat*). Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Al-Zuhailiy, Wahbah (1986). *Usul al-Fiqh al-Islamiy*. Juzuk Dua. Damsyik: Dar al-Fikr.

Asmah Haji Omar (2005). *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohammad. (1994). *Muzik dan Nyanyian Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Fritz Graebner (1911). *Methode der Ethnologie*. Heidelberg: C. Winter.

Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram (2003). *Lisan al-Arab*. Jilid 4. Kaherah: Dar al-Hadith.

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, Universiti Sains Islam Malaysia (2010). Diperoleh pada 17 Ogos 2010, daripada <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=9675&newlang=mas>

Ismail Yusoff (2001). *Pengenalan Sains Sosial*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2020). Diperoleh pada 9 November 2020, daripada <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=asimilasi>

Lim Kim Hui dan Har Wai Mun (2007). *Globalisasi, Media dan Budaya: Antara Hegemoni Barat dengan Kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahayudin Haji Yahaya (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Taib Osman (2000). Peradaban Islam di Malaysia: Binaan Prasarana Sezaman atas Landasan Warisan. Dalam Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman (Penyelenggara), *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Bukhari Lubis (1994). Dendangan Puisi al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak. Dalam Muhammad Bukhari Lubis (Penyelenggara), *Persuratan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Fuad Kamaluddin al-Maliki (2009). *Amalan Berzanji Menurut Perspektif Islam*. Johor Bahru: Penerbit Pusat Islam Iskandar Johor.

Munif Zariruddin Fikri Nordin (2003). Takrif dan Prinsip-Prinsip Asas Tamadun. Dalam Mohd. Liki Hamid (Penyelenggara), *Pengajian Tamadun Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Nik Safiah Karim (1996). Pendahuluan. Dalam Nik Safiah Karim (Penyunting), *Unsur Bahasa Asing dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Samat@Darawi, A. B, Tibek, S. R, Muhamat@Kawangit, R., & Hamzah, A. R. (2015). *Sejarah serta Sumbangan Amalan Berzanji dan Marhaban dalam Majlis-Majlis Utama Masyarakat*, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 9, 157-169.

Selamat Hashim (2008). *Jati Diri Johor Dalam Pelbagai Perspektif: Barzanji dan Marhaban*. Johor Bahru: Penerbit Yayasan Warisan Johor.

Shamsul Amri Baharuddin (2007). *Budaya Yang Tercabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata

Mohd Shabri Yusof ialah pensyarah di Fakulit Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia

Munif Zariruddin Fikri Nordin bertugas sebagai pensyarah di Program Pengajian Bahasa, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia